

Sikap celupar media Singapura

# Malaysia hargai teguran Goh

BH - 8 APR 2000

Oleh Zulkofli Jamaludin, Nurliza Ahmad dan Magendran Rajagopal

KUALA LUMPUR, Jumaat - Malaysia menghargai teguran Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong, terhadap keceluparan media republik itu memburuk-burukkan pemimpin negara ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata media, termasuk stesen televisyen negara jiran, sepatutnya mendapatkan maklumat tepat sebelum menyiarkan laporan mengenai Malaysia.

Katanya, kegagalan media terbabit menyebarkan maklumat tepat hanya akan menimbulkan masalah kepada pelancong atau sesiapa yang mempunyai urusan di negara ini.

"Malaysia sering menjadi mangsa kepada tindakan yang diambil oleh pihak lain kerana maklumat berkenaan kurang tepat," katanya mengulas gesaan Biro Perkhidmatan Perundangan MCA Bahagian Bakri dan Muar supaya Kementerian Luar membuat bantahan terhadap Perbadanan Televisyen Singapura (TCS) kerana laporan

yang kurang tepatnya mengenai Malaysia.

Menurut laporan sebuah akhbar berbahasa Inggeris hari ini, buletin berita Mandarin Saluran 8 TCS Ahad lalu menyiarkan berita bahawa satu wabak penyakit kuku dan mulut sedang berlaku di negara ini dan menasihatkan rakyat Singapura supaya tidak mengunjungi Malaysia.

Sebelum ini, rencana *New Straits Times* Singapura yang ditulis kolumnisnya, Chua Lee Hoong, turut mengkritik Malaysia.

Dalam rencana itu, Chua mempersoalkan kepemimpinan Malaysia yang tidak menyaksikan perubahan sejak sedekad lalu selain mempertikaikan dasar ekonomi negara ketika menangani krisis ekonomi serantau.

Goh yang mengulas perkara itu bagaimanapun berkata ia tidak sama sekali menggambarkan pendirian kerajaannya.

Sebelum ini, Goh juga pernah menegur penulis lida pengarang *Business Times* Singapura Jun lalu,

yang mencadangkan sudah tiba masa Dr Mahathir melepaskan jawatannya.

Sementara itu, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata media Singapura wajar menghargai kerjasama dua hala dengan Malaysia dan media kedua-dua negara perlu memahami serta berusaha memupuk hubungan baik itu.

"Sebagai negara berjiran, kemungkinan berlaku perbezaan memang ada tetapi ia perlu diselesaikan antara kedua-dua negara tanpa sebarang campurtangan negatif daripada media bagi mengeruhkan lagi suasana.

"Sewajarnya, polisi negara serantau yang menekankan supaya tiada campurtangan terhadap urusan dalaman sesebuah negara, terutama berkaitan pentadbiran atau kepemimpinan, perlu dipatuhi dan dihormati.

"Hubungan jangka panjang Malaysia-Singapura amat bermakna bagi kedua-dua negara dan media sewajarnya bersikap lebih matang dan memahami kepentingan

ini," katanya.

Syed Hamid berkata, kerajaan kedua-dua negara perlu menyelesaikan perbezaan pendapat secara diplomatik tanpa membiarkan laporan politik media mempengaruhi usaha mencapai kata sepakat menerusi permuafakatan.

Beliau menggesa media di kedua-dua negara bersikap lebih matang ketika melaporkan perkembangan ekonomi dan politik kerana ia adalah faktor utama bagi meningkatkan keyakinan pelabur asing terhadap kestabilan negara.

Katanya, setakat ini dasar kerajaan terhadap hubungan dan kerjasama dua hala dengan Singapura tidak berubah dan terpulung kepada republik itu menetapkan pendirian mereka.

Dasar itu merangkumi isu pengeluaran caruman Kumpulan Wang Pusat (CPF) oleh pekerja Malaysia yang meninggalkan Singapura, isu bekalan air kepada Singapura dan isu tanah milik Keretapi Tanah Melayu Bhd di Singapura.